

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 10 / 08 / 2007

Malaysia yakin Komuniti ASEAN dibentuk 2015

Um - 10/8/2007

PUTRAJAYA 9 Ogos – Malaysia yakin proses integrasi serantau melalui pembentukan Komuniti ASEAN dapat dicapai pada tahun 2015, lima tahun lebih awal daripada sasaran asal.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, ini kerana ASEAN telah menunjukkan keyakinan dalam menghadapi pelbagai cabaran dan muncul sebagai organisasi serantau yang kuat dan lebih bersatu padu.

“Keyakinan tersebut juga dapat dilihat berdasarkan fakta bahawa ASEAN mampu mempercepatkan rancangan bagi merealisasikan kelahiran Komuniti ASEAN pada 2015.

“Kita semua menerima bahawa proses integrasi memerlukan tumpuan mendalam terhadap kerjasama serantau bagi membolehkan kita membina satu blok komuniti dan mampu bekerjasama dengan rakan-rakan dialog,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis menaikkan bendera ASEAN sempena sambutan ulang tahun ke-40 pertubuhan serantau itu di Wisma Putra di sini, hari ini.

Tema sambutan pada tahun ini ialah ‘Satu ASEAN Berada Dalam Asia Yang Dinamik’.